

USAHASAMA KRTB DENGAN SYARIKAT REDTONE MOBILE SDN BHD

TALIAN MOBILE REDONE

Syarikat REDtone Mobile Sdn Bhd telah ditubuhkan pada tahun 2008 dan merupakan salah satu syarikat telco yang bernaung di bawah Celcom Axiata's. Pada tahun 2012 syarikat REDtone Mobile Sdn Bhd telah membuat penjenamaan semula dan pengurusan dengan nama Red One Network Sdn Bhd. Memandang syarikat telah berjaya dan maju dalam industri telekomunikasi dan sekali lagi pada tahun 2013 syarikat telah menukar nama kepada RedOne Sdn Bhd.

Maklumat berkaitan syarikat RedOne adalah seperti berikut :-

- i) Misi syarikat – memberikan perkhidmatan telekomunikasi yang efisien, murah dan mampu dimiliki oleh semua golongan.
- ii) Aktiviti syarikat – menyediakan perkhidmatan telekomunikasi postpaid & prepaid, menyediakan plan data telekomunikasi serta perkhidmatan pembayaran bil telekomunikasi dan utiliti di semua rangkaian kedai RedOne di seluruh Malaysia
- iii) Bilangan pengguna untuk talian RedOne turut meningkat setiap tahun dimana pada tahun 2015 seramai 500,000 pengguna dan pada tahun 2016 seramai 800,000 pengguna dan syarikat meramalkan bilangan pengguna akan terus bertambah menjelang tahun 2020 seramai 1.2 juta pengguna untuk talian ini.
- iv) Syarikat juga turut menerima anugerah berprestij seperti Frost & Sullivan for Best MVNO (Mobile Virtual Network Operator) 2014 , 2015 & 2016 ,Sin Jiew Jit Poh Award 2014 & 2015 dan SME Association Award 2014 & 2015
- v) Sehingga kini maklumat berkaitan operasi syarikat seperti berikut :
 - a. Jumlah pengguna postpaid adalah seramai 900,000 orang
 - b. Jumlah pengguna prepaid seramai 80,000 orang
 - c. Syarikat menguasai 10% rangkaian postpaid di pasaran
 - d. Jumlah hasil syarikat pada tahun 2016 adalah RM310 juta
 - e. Syarikat memperolehi 6-7% keuntungan selepas cukai

Objektif pelaksanaan usahasama:

- i) Konsep – Peluang kepada wargakerja TEKUN di Cawangan untuk menjual produk RedOne untuk talian postpaid, prepaid serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh RedOne seperti pembayaran bil telekomunikasi dan utiliti.
- ii) Perkhidmatan yang ditawarkan ini hanya menggunakan telefon Smart Phone untuk setiap urusan.

- iii) Jualan setiap produk ini RedOne boleh dijual kepada semua usahawan yang hadir ke pejabat TEKUN atau pada semasa program-program yang dijalankan oleh TEKUN seperti SAK dan KAK.
- iv) Dapat memberikan pendapatan sampingan kepada wargakerja atau cawangan TEKUN.

Tanggungjawab dan peranan

KRTB: -

- i) Mengurus dan mengawal selia secara bersama dengan RedOne ;
- ii) Menyediakan peruntukan modal permulaan kepada cawangan.

RedOne : -

- i) Mewujudkan jualan dan perkhidmatan postpaid, prepaid dan perkhidmatan kepada wargakerja TEKUN;
- ii) Memberikan latihan dan bantuan kepada setiap cawangan TEKUN Nasional;
- iii) Menyediakan laporan berkaitan pembayaran komisyen, e-walet dan pencapaian cawangan pada setiap bulan; dan
- iv) Membantu mempromosikan jualan dan perkhidmatan disetiap cawangan TEKUN.

Insentif Cawangan

Bil	Perkara	Talian	Jumlah insentif (RM)
1.	Sign up Fee	Setiap talian	6
2.	Activation Fee	Setiap talian	2
3.	Activation Bonus	First 15 line	300
		16-30 lines	10 / line
		31-50 lines	15 / line
		>51	20/ line
4.	Bill Collection		2% upon collection
5.	Platinum Bonus	500 active subscriber	5000/ cash incentive
6.	Cabutan bertuah untuk kereta dan gold bar		

Anggaran insentif yang diterima oleh cawangan sekiranya berjaya menjual sebanyak **50 talian sebulan** adalah seperti berikut :-

Bil	Perkara	RM	Line	Jumlah insentif (RM)
1.	Sign up Fee	6	50	300
2.	Activation Fee	2	50	100
3.	Activation Bonus	First 15 line		300
		16-30 lines	15	150
		31-50 lines	20	300
Total 1 Month insentif				1,150
4.	10 bulan	1150 x 10 bulan		11,500
5.	Platinum Bonus	500 active subscriber		5000
Jumlah insentif				16,500

Cadangan pelaksanaan projek (pilot projek)

KRTB mencadangkan untuk menjalankan projek ini secara ***pilot*** untuk **20 cawangan** terpilih **selama 6 bulan** bagi mendapatkan maklumbalas dan hasil dari projek yang dijalankan ini.

Kos pelaburan KRTB

Antara kos yang akan ditanggung oleh KRTB untuk 20 cawangan adalah seperti berikut :

Bil	Perkara	Kos	Jumlah
1.	My Card reader	RM50 unit x 20 cawangan	1,000
2.	Post paid Sim	RM2 x 20 sim X 20 cawangan	800
3.	E-Wallet	RM500 x 20 cawangan	10,000
Jumlah			11,800

Diharap kakitangan TEKUN Nasional di Cawangan yang terpilih akan mengambil peluang untuk membuat pemasaran produk ini kerana mana lah tahu ini merupakan sumber pendapatan tambahan anda...

Sekian.